

Tingkatkan persaingan global — Soi Lek *UM - 5/10/2006*

MUAR 4 Okt. — Rakyat dinasihat tidak terpengaruh dengan dakwaan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tertentu kononnya kaum bumiputera sudah menguasai hampir 45 peratus kekayaan ekuiti di negara ini.

Naib Presiden MCA, Datuk Dr. Chua Soi Lek berkata, rakyat tidak perlu terkongkong dalam persoalan pengiraan ekuiti seperti itu, sebaliknya perlu berusaha menghadapi persaingan di peringkat global yang lebih mencabar.

Beliau berkata, rakyat perlu bersaing dengan rakyat negara jiran seperti Thailand dan Vietnam yang kini berusaha mendahului dalam bidang-bidang tertentu.

“Ini kerana dalam abad ke-21, sekiranya kita menggunakan kaedah yang berlainan untuk penilaian ekuiti, sudah tentu keputusan yang dicapai, juga berbeza.

“Bagaimana kita hendak menilai ekuiti antara kaum bumiputera dan bukan bumiputera sekiranya kita menggunakan kaedah yang berbeza?

Persaingan

“Yang penting ialah bagaimana kita hendak meningkatkan persaingan, bukan antara kaum Cina dan Melayu sebaliknya antara Malaysia dan negara-negara lain,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Pesta Tanglung anjuran MCA negeri Johor di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Chung Hwa 2, di sini malam tadi.

Beliau mengulas kenyataan sebuah kumpulan penyelidik NGO yang disiarkan dalam akhbar tempatan bukan berbahasa Melayu kelmarin bahawa orang Melayu kini sudah menguasai 45 peratus kekayaan ekonomi di negara ini.

Kenyataan penyelidik NGO itu juga memberikan contoh syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC) sedangkan ia bukan milik orang Melayu sepenuhnya.

Sambil menyifatkan kenyataan NGO itu tidak memberi kesan terhadap perpaduan pelbagai kaum di negara ini, Soi Lek berkata, ia juga tidak menggugat kestabilan kaum di negara ini jika rakyat berpegang teguh kepada konsep untuk bersaing di peringkat global.